

08/01/1997

Laporan kemajuan standard agenda tetap

KUALA LUMPUR, Selasa - Pengurusan tertinggi perkhidmatan awam seperti ketua setiausaha kementerian, setiausaha kerajaan negeri dan ketua agensi diminta menjadikan laporan kemajuan pelaksanaan standard ISO 9000 sebagai agenda tetap mesyuarat pengurusan masing-masing.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali, berkata langkah itu membolehkan masalah pelaksanaan dikenalpasti sekali gus mengesan kemajuan pelaksanaan dari semasa ke semasa.

Malah, Abdul Halim akan memastikan laporan itu dikemukakan dalam mesyuarat utama yang dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Antara mesyuarat itu termasuk mesyuarat ketua setiausaha kementerian dan ketua perkhidmatan; mesyuarat ketua jabatan persekutuan; Mesyuarat ketua eksekutif badan berkanun dan mesyuarat badan perhubungan di antara kerajaan persekutuan dan negeri.

"Jika hal ini berjaya dilaksanakan, semua pihak akan memahami rasional dan faedah untuk mencapai standard ISO 9000 dan dengan itu hasrat kerajaan menjadikan perkhidmatan awam bertaraf dunia akan tercapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menutup Simposium Kebangsaan MS ISO 9000 di sini, hari ini. Simposium selama dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu), Datuk Dr Mohd Rais Abdul Karim dan Ketua Kesekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr Ahmad Tajudin Ali.

Abdul Halim berkata, sehubungan itu, ketua agensi perlu meningkatkan dorongan dan menggembleng sumber tenaga manusia yang ada ke tahap optimum.

"Ini mungkin memerlukan penyusunan semula tugas dan kaedah kerja yang memberi tumpuan kepada semangat bekerja berpasukan. Selain itu, penyelenggaraan dokumen dan pelaksanaan perlu dilakukan segera," katanya.

Menurutnya, fasa pertama iaitu penyediaan garis panduan lengkap dengan mengadakan siri ceramah sudah dimulakan sejak Julai 1996.

Fasa kedua bermula tahun ini sebagaimana `road-map' Mampu selaku ketua agensi pelaksana, menghendaki setiap agensi mengenal pasti sekurang-kurangnya satu proses pelaksana ISO 9000 dan seterusnya menetapkan skopnya.

(END)